

BERITA HARIAN

DATE: 06 / 09 / 2007

# Dr Mahathir ucap terima kasih kepada doktor

Oleh Irwan Shafrizan Ismail

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mula sedar dan boleh bercakap selepas 24 jam menjalani pembedahan pintasan koronari di Institut Jantung Negara (IJN) di sini.

Anaknya, Datuk Mokhzani berkata, Dr Mahathir sedar pada jam 3.30 petang semalam dan kelihatan sihat, kuat serta semakin stabil, tetapi masih menggunakan alat bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Ibu (Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali) adalah orang pertama yang bercakap dengan beliau dan ketika sedar dia bertanyakan sesuatu yang lucu kepada ibu... sesuatu yang kami tidak sangka diucapkannya, tetapi saya tidak boleh dedahkannya..

"Ketika sedar, Dr Mahathir juga sudah tahu di mana beliau berada dan kemudian memanggil Ketua Pembedahan Kardiorasik, Tan Sri Dr Yahya Awang dan bertanyakan apa yang dilakukan ke atas beliau.

"Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua doktor dan ju-

rurawat yang terbabit," katanya.

Pembedahan itu diketuai Dr Yahya dan dibantu Ketua Pembedahan Kardiorasik Klinik Mayo, Amerika Syarikat, Profesor Dr Hartzell Schaff, Datuk Dr Rozali Wathooth, Datuk Dr Azhari Yakub, Datuk Dr Venugopal Balchand dan Dr Mohamed Ezani Mohd Taib.

Bekas Perdana Menteri itu kini diletakkan di bawah pemerhatian rapi sekumpulan doktor yang diketuai Pengarah Perubatan IJN, Datuk Seri Dr Robaayah Zambahari dan dibantu perunding neprologis, Datuk Dr Zaki

BH - 6/9/2007  
"Ibu orang pertama yang bercakap dengan beliau dan ketika sedar dia bertanyakan sesuatu yang lucu kepada ibu"

Mokhzani Mahathir  
Anak

Morad Mohd Zaher, Dr Ghazali Ahmad dan perunding gastroenterologis, Dr S Ganeshanathan.

Mokhzani berkata, Dr Mahathir dijangka ditempatkan di ICU sehingga akhir minggu ini.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah yang tiba di IJN jam 5.15 petang semalam, meluangkan masa 30 minit mendengar penjelasan mengenai keadaan Dr Mahathir daripada Dr Siti Hasmah dan beberapa doktor yang terbabit dalam pembedahan itu.